

10 AUG 1998

Mahathir-Laos

HUBUNGAN M'SIA-LAOS KIAN KUKUH DALAM ASEAN

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin hubungan Malaysia dan Laos akan menjadi lebih kukuh terutamanya dalam bidang kerjasama perdagangan dan ekonomi dengan penyertaan Laos ke dalam Asean sejak tahun lepas.

Perdana Menteri berkata Malaysia gembira melihat Laos melibatkan diri dengan penuh minat dalam aktiviti-aktiviti Asean dan telah mengutarakan cadangan membina ke arah memperkukuhkan kerjasama antara anggota Asean.

"Selaras dengan semangat Asean dan Kerjasama Selatan-Selatan, Malaysia sentiasa bersedia untuk berkongsi pengalaman pembangunan dan pengetahuan teknikal dengan Laos dalam usaha pembangunan negara," katanya pada jamuan rasmi meraikan Perdana Menteri Laos Sisavath Keobounphanh di Sri Perdana malam ini.

Sisavath tiba pagi ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia. Ini merupakan lawatan rasmi pertamanya ke negara ini sejak menjadi Perdana Menteri republik demokratik itu.

Dr Mahathir berkata hubungan erat kedua-dua negara dibuktikan melalui beberapa perjanjian yang telah ditandatangani seperti Perjanjian Jaminan Pelaburan Dua Hala, Perjanjian Perkhidmatan Udara, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal, Perjanjian Pembayaran Dua Hala dan persefahaman dalam bidang kerjasama tenaga.

Perdana Menteri berharap dengan termeterainya dua lagi perjanjian esok -- Perjanjian Perdagangan Dua Hala dan Perjanjian Kerjasama Pelancongan -- hubungan ekonomi dan perdagangan Malaysia dan Laos akan meningkat.

"Sungguhpun hubungan dua hala Malaysia-Laos berada pada landasan yang betul, jumlah perdagangan dua hala kita adalah masih kecil," katanya.

Beliau percaya masih banyak ruang untuk meningkatkan hubungan itu memandangkan adanya potensi besar dan barangan perdagangan yang banyak yang boleh diniagakan.

Dr Mahathir gembira sektor swasta Malaysia merupakan pelabur kelima terbesar di Laos dengan nilai pelaburan bagi 18 projek melebihi RM1 bilion dengan tumpuan dalam sektor pembinaan jalan raya dan bangunan, perbankan dan industri perkhidmatan.

Beliau berkata bagaimanapun agak malang sedikit rantau ini sekarang sedang dibelenggu dengan krisis ekonomi yang melibatkan semua negara Asean walaupun tahapnya berbeza.

"Malaysia berpendapat bahawa dalam usaha untuk mengatasi kesulitan ini, negara-negara Asean mesti berusaha bersama-sama dengan lebih dekat lagi bagi mempertingkatkan perdagangan dalam Asean dan menggalakkan penggunaan matawang tempatan dalam perdagangan serantau.

Dr Mahathir berkata di peringkat antarabangsa, kedua-dua negara berkongsi pandangan yang agak serupa dalam banyak isu antarabangsa yang melibatkan kepentingan bersama dan telah memberikan sumbangan termasuk melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

Beliau kagum dengan peranan Laos dalam memupuk suasana aman dan kerjasama dalam pembangunan rantau kecil Mekong yang bertujuan merubah kawasan tersebut bagi dikongsi bersama kemajuan dan kekayaannya agar dapat dikurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat di situ.

Perdana Menteri, yang pernah melawat Laos pada 1994, berkata lawatan oleh Sisavath ke Malaysia jelas melambangkan keinginan kedua-dua kerajaan untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Esok kedua-dua pemimpin akan mengadakan mesyuarat dan dijangka bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa selain mengenal pasti bidang-bidang baru bagi meningkatkan kerjasama.

Sisavath pula, dalam ucapannya, berkata Laos mendapat galakan daripada kejayaan dan pengalaman Malaysia dalam usaha republik itu memberi tumpuan kepada pembangunan negaranya.

Menurutnya daripada lawatannya itu, beliau mendapat pemahaman yang jelas mengenai pencapaian Malaysia dalam pembangunan negara, keharmonian sosial dan kestabilan politiknya.

"Yang penting ialah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan anda bagi mengekalkan pergerakan pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi krisis kewangan yang menggugat rantau ini," katanya dan menambah bahawa ekonomi Laos turut terjejas.

Mengenai hubungan dua hala, Sisavath berkata hubungan antara kerajaan dengan kerajaan, sektor swasta dengan sektor swasta dan rakyat dengan rakyat semakin meningkat dan telah mengukuhkan pemahaman bersama, kepercayaan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Samvibol menyatakan penghargaan terhadap sokongan dan bantuan Malaysia kepada Laos dalam menjadi anggota Asean, beliau berkata negaranya juga menghargai usaha Malaysia dalam melaksanakan projek pembinaan landasan kereta api ke Kunming menerusi Laos.

Turut hadir pada jamuan itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Puan Khamla Keobounphanh serta Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

-- BERNAMA

MNY NAK